



UPM Agen Mobiliti Antarabangsa-Tan Sri Lim



Pro-Canselor, Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek menyampaikan Anugerah Profesor Emeritus kepada Prof. Dr. Muhamad Awang pada Majlis Konvokesyen UPM ke-33 sesi ketiga semalam.

SERDANG, 9 Ogos – Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran demi memperkukuh kualiti dan daya saing graduan.

Pro-Canselor UPM, Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek berkata UPM melaksanakan pembelajaran berpusatkan pelajar dengan penambahbaikan yang relevan selaras arus perkembangan pengajian tinggi global yang memastikan para graduan berupaya bersaing pada tahap yang lebih tinggi.

"Hasrat tersebut disokong dengan penubuhan dana bagi menampung pelbagai program pengantarabangsaan pada peringkat Asia dan global," katanya pada sesi ketiga Majlis Konvokesyen UPM ke-33 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Beliau berkata aktiviti pengantabangsaan UPM mencakupi aspek penyelidikan dan pengkormesilan produk melalui pelbagai kaedah bagi mengangkat penyelidikan universiti ke tahap yang lebih tinggi dan dimanfaatkan oleh masyarakat global.

Aktiviti mobiliti antarabangsa UPM merupakan pelaburan strategik yang diusahakan oleh universiti bagi menghasilkan modal insan yang berkualiti, kompeten dan bersifat global. "Usaha ini telah mendapat pengiktirafan apabila pihak Islamic Development Bank yang beribu pejabat di Arab Saudi menganugerahkan UPM Anugerah Islamic Development Bank Prizes for Science & Technology atas sumbangan yang cemerlang dalam bidang saintifik dan teknologi kepada pembangunan negara OIC.

"Selain itu, UPM telah bergerak maju dalam penerokaan ilmu berteraskan inovasi intelek dan penyelidikan universiti dengan menjadi perintis dalam kalangan IPTA dengan menjalinkan kerjasama dengan Syarikat SRI International yang mempunyai rangkaian di seluruh dunia membolehkan UPM menembusi pasaran global dengan lebih berkesan," katanya lagi.

Beliau turut memuji langkah yang dilaksanakan oleh universiti bagi menyebarkan ilmu pengetahuan dan pengalaman serta hasil penyelidikan kepada masyarakat di negara ini dengan mengadakan Program Pengembangan seperti Program Hari bersama Pakar Pertanian yang dilaksanakan secara berterusan dengan masyarakat petani melalui pemindahan pengetahuan disertai dengan penyelidikan, sesi perundingan dan interaksi di lapangan.

Pada sesi ketiga majlis tersebut menyaksikan seramai 1,081 graduan menerima Ijazah Sarjana, Doktor Perubatan Veterinar, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma serta penyampaian anugerah Profesor Emeritus kepada Prof. Dr. Muhamad Awang.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.